

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN (VARSITI)		
TARIKH	:	15/6/2017	MUKA SURAT	: V5
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		



# Ketidaktentuan perubahan iklim cabaran pakar hidrologi



Prof. Datin Ir. Dr. Lariyah Mohd Sidek

**Oleh Nor Azma Laila**  
norazma@bh.com.my

**Bangi**

Ketidaktentuan perubahan iklim dunia kini menjadi cabaran utama kepada pakar hidrologi kerana perlu bijak membuat jangkaan cuaca dan kemungkinan bencana yang bakal melanda. Bagi menguruskan impak terhadap masyarakat serta alam semula jadi.

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Prof. Datin Ir. Dr. Lariyah Mohd Sidek, berkata pakar hidrologi berperanan membantu penyelesaian masalah dalam pelbagai aspek membabitkan sumber dan rawatan air, saliran bandar, pengurusan sungai, penyelidikan serta reka bentuk empangan dan tebatan banjir.

“Berikutan perubahan iklim dunia yang tidak menentu, pakar hidrologi perlu melakukan penyelidikan untuk membuat

jangkaan cuaca dan sebarang bencana membabitkan air supaya boleh tampil dengan penyelesaian terbaik bagi mengurangkan kesan terhadap semua pihak yang mungkin terjejas akibat kejadian itu.

**Panel berpengalaman**

“Dari segi pencemaran sungai dan tebatan banjir pula, pakar hidrologi bertanggungjawab mengenal pasti punca kejadian itu serta mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah berkenaan seperti yang kita lakukan di Sungai Klang dan Sungai Penchala dengan mereka bentuk perangkap sampah, sekali gus berjaya menguruskan 40 peratus sampah di sungai terbabit,” katanya.

Bellau berkata demikian ketika ditemui selepas program 2nd Young Hydrologist Career Events 2017 dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan UNITEN, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah JPS, Datuk Seri Ir. Zulkefli Hassan, dan



Ir. Zulkefli (dua dari kanan) meluangkan masa melawat pameran sempena 2nd Young Hydrologist Career Events 2017.

Naib Canselor UNITEN, Prof. Datuk Ir. Dr. Kamal Nasharudin Mustapha.

Program sehari itu memberi peluang untuk pelajar dan jurutera muda mendapatkan pelbagai maklumat serta pengetahuan awal mengenai kerjaya pakar hidrologi daripada tiga ahli panel berpengalaman dalam bidang pengurusan air dan saliran, termasuk Prof. Lariyah serta mantan Ketua Pengarah JPS, Datuk Paduka Dr. Ir. Keizrul Abdullah.

Prof. Lariyah yang berpen-

galaman selama 15 tahun sebagai pensyarah dalam bidang hidrologi berkata, jurutera itu memiliki peluang pekerjaan luas kerana industri terbabit semakin berkembang di negara ini, malah teknologi digunakan juga setanding negara maju.

**Ciri perlu dimiliki**

“Graduan dalam bidang ini boleh memilih untuk bekerja sebagai pakar runding bidang hidrologi, mereka bentuk pelbagai produk serta teknologi untuk pengurusan air dan

saliran, jurutera, penyelidik di dalam sektor kerajaan atau swasta, mahupun ahli akademik di institusi pengajian tinggi (IPT).

“Melalui perkongsian dengan pelajar ketika sesi bicaraya kerjaya, saya turut menekankan ciri-ciri yang dimiliki untuk menjadi pakar akademik yang baik dalam bidang hidrologi, antara lain banyak menjalankan penyelidikan supaya mendapat pendidikan luas mengenai situasi sebenar di lapangan” katanya.



**2nd Young Hydrologist Career Events 2017**

- Anjuran UNITEN dengan kerjasama Persatuan Hidrologi Malaysia
- Disertai 100 pelajar
- Program kali pertama dianjurkan pada 2015